

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban - Ramadhan 1444/ Mac 2023



Ramadhan : Bulan Al-Quran

Madrasah Sufi
dalam Ramadhan **4**

Ramadhan Bukan Bulan
Pesta Makanan **11**

Jaga Lidah Supaya
Pahala Puasa Tidak
Berkurangan **10**

Maqasid Ramadhan:
Hikmah Pensyariatan **7**

Nota Kaki:
Syarat-syarat, Rukun dan Perkara
yang Membatalkan Puasa **8**

eISSN 2600-8289



Madrasah Sufi dalam Ramadan



Oleh:

Dr Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf

Penulis Penghubung & Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus
Kuala Pilah

Definisi Puasa Ramadan

Kamus Dewan mendefinisikan perkataan 'puasa' secara literalnya dengan maksud perbuatan menahan diri daripada makan dan minum. Puasa disebut dalam bahasa Arab sebagai *Sauwm*. Perkataan ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu daripada sudut linguistik dengan maksud menahan diri daripada melakukan sesuatu seperti makan, minum dan bercakap. Syeikh 'Uqlah dalam kitabnya '*al-Islam Maqasiduhu wa Khasaisuhu*' mendefinisikan puasa daripada segi bahasa dengan maksud 'menahan'.

Saidina Abu 'Ubaidah RA menyatakan bahawa terdapat empat bentuk puasa dalam konteks 'menahan' yang dilakukan oleh umat manusia sejak masa dahulu iaitu menahan diri daripada makan, minum, bersetubuh dan berkata-kata. Al-Quran menceritakan kisah Saidatina Maryam al-Muqaddasah yang bernazar untuk berpuasa iaitu tidak akan bercakap dengan sesiapa pun sebagaimana yang terdapat dalam ayat 26, Surah Maryam yang bermaksud, "*Makan, minum dan tenangkanlah hati daripada segala yang merunsingkan. Jikalau engkau melihat sesiapa, maka katakanlah kepada mereka, sesungguhnya aku bernazar untuk 'berpuasa' iaitu diam membisu demi Allah Yang Maha Pemurah. Aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun dalam kalangan manusia pada hari ini*".

Perbuatan ini rupa-rupanya dilakukan oleh golongan wanita daripada suku Aborigin di Australia yang mewajibkan puasa iaitu tidak berkata-kata selama satu tahun penuh bagi mereka yang kematian suaminya. Manakala, sebahagian penganut Kristian pula mengikut tradisi berpuasa selama 40 hari sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Musa AS dan Nabi Nuh AS. Namun puasa yang mereka lakukan ialah dengan hanya 'menahan' diri daripada memakan daging, ikan dan telur.

Perbuatan ini rupa-rupanya dilakukan oleh golongan wanita daripada suku Aborigin di Australia yang mewajibkan puasa iaitu tidak berkata-kata selama satu tahun penuh bagi

mereka yang kematian suaminya. Manakala, sebahagian penganut Kristian pula mengikut tradisi berpuasa selama 40 hari sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Musa AS dan Nabi Nuh AS. Namun puasa yang mereka lakukan ialah dengan hanya 'menahan' diri daripada memakan daging, ikan dan telur.

Buku 'Terjemahan al-Fiqh al-Manhaji' dan buku 'Terjemahan Kifayat al-Akhyar' menjelaskan maksud puasa dari segi konteks istilah syarak pula ialah menahan diri daripada sebarang perkara yang membatalkannya, bermula dari terbit fajar sehinggalah matahari terbenam dengan niat puasa. Ini dikukuhkan lagi dengan pandangan Imam Nawawi yang mendefinisikan puasa sebagai menahan diri daripada makan, minum serta jimak. Kesemuanya dilakukan dengan niat untuk melaksanakan perintah Allah bermula dari terbit fajar sehinggalah masuk waktu Maghrib dalam bulan Ramadan.

Ibn Manzur dan Muhyiddin Sabir menyebut bahawa perkataan Ramadan berasal daripada kata akar Arab *ramadh* yang bermaksud batu keras yang merekah kerana panas teriknya matahari. Falsafah di sebalik pengertian ini dilihat apabila al-Quran sering menjadikan 'batu' sebagai simbolik kepada hati manusia yang tidak memiliki ruh dan kepekaan terhadap hidayah Allah SWT. Sekalipun seseorang itu memiliki 'hati batu', Ramadan berupaya membuatkan 'hati batu' itu pecah merekah kerana 'kepanasan tarbiah' dan pengaruh bulan yang hebat ini. Hati yang sudah tersentuh dengan ajaran Ramadan akan menjadi kuat untuk berterusan taat serta patuh pada perintah Allah SWT pada sepanjang masa dan tidak hanya terikat pada bulan Ramadan sahaja.

Etimologi perkataan Ramadan ini juga merujuk kepada panas yang menyengat atau kekeringan, khususnya pada tanah. Daripada kata akar Arab *ramadh* (رمض) tersebut, perkataan Ramadan digunakan untuk menunjukkan adanya rasa panas ketika seseorang itu kehausan. Secara falsafahnya

digunakan kerana pada bulan itu dosa-dosa dihapuskan oleh perbuatan baik sebagaimana matahari membakar tanah. Hal ini dikiasan dengan umat Islam yang mengambil kesempatan Ramadan untuk betul-betul mencairkan, memuhasabah diri dan memperbaharui kekuatan jasmani, rohani dan tingkah lakunya, sebagaimana panas mewakili sesuatu yang dapat mencairkan bahan.



Sejarah Puasa

Bulan Ramadan biasanya dikaitkan dengan ibadah puasa pada siang harinya. Ayat 183 dalam Surah al-Baqarah menyebut bahawa ibadah ini tergolong sebagai amalan tradisi sejak dahulu lagi selain daripada ibadah solat dan melaksanakan tuntutan haji sebagaimana firman Allah yang bermaksud, *'Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu menjadi orang-orang yang bertaqwa.'*

Imam al-Qurtubi menjelaskan bahawa Nabi Nuh AS merupakan orang pertama yang berpuasa selepas turun dari perahunya sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT kerana terselamat daripada badai banjir yang menimpa. Selepas itu, puasa seperti ini dilakukan oleh kebanyakan bangsa serta agama sebagai satu cara mencapai keagungan spiritual dan budi pekerti yang baik. Dr. 'Abdullah al-Halabi dalam bukunya 'Nuqat 'An Tarikh al-Siyam' menulis bahawa bangsa Phoenix di Mesir pada tahun 187 sebelum Masihi berpuasa untuk menghormati Dewi Isis. Manakala sekitar tahun 193 sebelum Masihi, bangsa Romawi kuno berpuasa setahun penuh setiap lima tahun demi menghormati Dewa Osiris. Bangsa Yunani berpuasa seminggu sebelum menghadapi sebarang peperangan. Nabi Musa AS berpuasa selama 40 hari di Gunung Sinai dan amalan baginda ini dijadikan tradisi oleh orang-orang Yahudi. Mereka percaya dengan melakukan ibadah sebegini mampu menolak bencana, dosa-dosa pula akan dihapuskan oleh Tuhan mereka di samping mengingati peristiwa kemusnahan Bandar Jerusalem di tangan Nebucadnezer II (605-562 SM). Nabi Isa AS dan ibunya Saidatina Maryam binti Imran meneruskan amalan puasa 40 hari Nabi Musa AS dan akhirnya ia dijadikan tradisi dalam sebahagian mazhab ajaran Kristian untuk meraikan 'Hari Raya Paskah' mereka.

Syeikh Abdul Wahab al-Sya'rani dalam bukunya yang bertajuk *'Tanbih al-Mughtarrin'* menyebut bahawa puasa dalam ajaran Islam merangkumi semua model ajaran umat sebelum ini. Namun, ia telah disesuaikan dengan fitrah dan kemampuan manusia kerana tujuan puasa bukanlah untuk menderita dan menyiksa diri, tetapi mendidik pelakunya agar mampu mengendalikan nafsu supaya terarah kepada Allah SWT. Umat Islam pada zaman Nabi SAW sudah biasa berpuasa wajib pada 10 Muharram bersempena dengan Hari 'Asyura'. Sehingga apabila tiba 2 Sya'ban iaitu pada tahun kedua hijrah, mereka diperintahkan hanya berpuasa wajib sebulan penuh pada bulan Ramadan berikutnya. Pada peringkat awal, tempoh berpuasa umat Islam agak panjang iaitu bermula setelah tidur daripada solat Isyak sehingga tiba waktu Maghrib keesokan harinya. Praktik ini menyulitkan mereka dan akhirnya datang perintah baharu iaitu puasa bermula daripada azan Subuh sehingga ke waktu Maghrib.

Peristiwa Bersejarah Dalam Bulan Ramadan

Yusuf Burhanudin dalam bukunya 'Misteri Bulan Ramadhan' menyenaraikan beberapa kelebihan berpuasa termasuklah mencerdaskan fikiran, membeningkan hati, melatih kesabaran, mengukuhkan kekuatan spiritual dan menyatukan persaudaraan. Justeru, sejarah mencatatkan banyak manfaat yang diperoleh oleh umat Islam dalam meningkatkan prestasi kehidupan semasa bulan ini seperti berikut:

- a) Pada 1 Ramadan 587 Hijrah, kota Askalan yang merupakan pintu masuk menuju kota al-Quds berjaya dikuasai oleh Sultan Salah al-Din al-Ayyubi.

- b) Pada 3 Ramadan 825 Hijrah, Kota Kostantine berjaya ditawan oleh Sultan Murad II yang merupakan pemerintah daripada *Khilafah 'Uthmaniyyah*.
- c) Pada 5 Ramadan 362 Hijrah, Mesir kembali dikuasai semula oleh umat Islam di bawah pimpinan Sultan al-Mu'iz al-Fatimi.
- d) Pada 6 Ramadan 223 Hijrah, Sultan al-Mu'tasim yang merupakan *Khalifah 'Abbasiyyah* berjaya mengepung kota 'Umuriyyah yang menjadi benteng terkuat Kerajaan Bizantium di Asia Tengah.
- e) Pada 7 Ramadan 361 Hijrah, pusat keintelektualan umat Islam iaitu Jami' al-Azhar dan Universiti al-Azhar tertubuh.
- f) Pada 9 Ramadan 222 Hijrah, al-'Afsyin yang merupakan panglima kepada Khalifah al-Mu'tasim berjaya menakluk kota Albaz.
- g) Pada 17 Ramadan 2 Hijrah, kaum muslimin di bawah pimpinan baginda Rasulullah SAW berjaya mengalahkan tentera musyrikin dalam Peperangan Badar.
- h) Pada 20 Ramadan 8 Hijrah, berlaku *Fath Makkah* iaitu Pembebasan Kota Mekah di tangan Rasulullah SAW dan 10 ribu pasukan umat Islam.
- i) Pada 21 Ramadan sebelum hijrah merupakan permulaan *khulwah* atau *'uzlah* Rasulullah SAW di Gua Hirak.
- j) Pada 25 Ramadan 658 Hijrah, kaum muslimin berjaya mengalahkan tentera Tartar dalam peperangan Jalut.
- k) Pada 28 Ramadan 92 Hijrah, panglima Islam iaitu Tariq bin Ziyad berjaya menakluk wilayah Andalus di bawah pemerintahan Islam.

Kelebihan Bulan Ramadan

Puasa merupakan satu ibadah yang menjadi rahsia antara seorang hamba dengan Tuhannya. Mereka yang melakukan ibadah puasa dianugerahkan banyak keistimewaan dan Allah memilihnya daripada senarai carta ibadah untuk disimpan dalam perbendaharaanNya sebagai jaminan untuk dijemput masuk ke dalam syurga dan layak bertemu denganNya sebagaimana hadis Qudsi yang bermaksud, 'Rasulullah SAW bersabda bahawa semua amalan anak Adam adalah baginya melainkan puasa, maka ia adalah untukKu dan Akulah yang akan membalasnya'.

Imam Ibn Majah dalam bab *al-Manasik* menyebut bahawa Saidina Salman al-Farisi RA meriwayatkan hadis daripada Nabi SAW yang bersabda bahawa sebaik-baik ibadah yang dilakukan oleh umat Nabi Muhammad yang terdiri daripada solat, puasa dan nafkah ialah pada bulan Ramadan. Imam Tirmizi dalam *'Sunan'*nya pula menyebut bahawa Ramadan memiliki lima perkara yang tiada pada bulan selainnya termasuklah al-Quran diturunkan pada bulan tersebut, berpuasa wajib pada siang hari, bersolat tarawih pula pada malamnya, pelaksanaan zakat fitrah dan malam *Lailatul Qadarnya*. Berkaitan kewajiban membayar zakat fitrah, Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 43 yang bermaksud, *'Dirikanlah solat fardhu dan keluarkanlah zakat fitrah dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.'*

Kemuliaan malam Lailatul Qadar pula diungkapkan oleh Allah SWT dalam Surah al-Qadr sebagai sebaik-baik malam, bahkan ia lebih baik daripada seribu bulan sebagaimana firmanNya yang bermaksud, 'Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Lailatul Qadar. Adakah engkau mengetahui keagungan Lailatul Qadar itu? Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam tersebut, turun malaikat dan Jibril dengan izin Allah dengan membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut). Sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar.'

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, *'Sesungguhnya Allah menganugerahkan kepada umatku Lailatul Qadar dan tidak diberikan kepada sesiapa pun sebelum mereka.* Manakala Syeikh Khattar Muhammad dalam al-Nafahat al-Nuraniyyah menyebut bahawa bagi mereka yang bersungguh-sungguh beramal pada bulan ini, Ramadan menyediakan tiga peringkat balasan untuk mereka. Sepuluh hari yang pertama dijanjikan dengan mendapat rahmat Allah, sepuluh hari yang kedua pula dijanjikan memperoleh pengampunan daripada Allah SWT dan sepuluh hari yang terakhir dijanjikan pembebasan dari api neraka. Nabi Muhammad SAW menyebut kelebihan dalam bulan Ramadan sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud, *'Telah datang kepada kamu satu bulan yang penuh dengan keberkatan. Allah mewajibkan kepada kamu berpuasa dalam bulan Ramadan, lalu dibukakan seluruh pintu syurga, ditutup seluruh pintu neraka, dibelenggu semua syaitan dan terdapat Lailatul Qadar pada salah satu malamnya. Barangsiapa yang tidak melakukan kebajikan pada malam tersebut, maka dia terlepas daripada merebut peluang keemasan tersebut.'*

Ramadan Sebagai Madrasah Sufi

Prof. Dr. Judah al-Mahdi dalam bukunya *'al-Nafahat al-Judiyah'* menyebut bahawa Ramadan menyediakan beberapa metod pemurnian jiwa sebagaimana madrasah tasawuf mempunyai manhaj dalam rangka bentuk yang hampir sama. Kedua-duanya menganjurkan perjalanan mujahadah menuju kepada Allah SWT melalui empat rukun madrasah sufi iaitu sedikit makan, sedikit bicara, sedikit tidur dan sedikit bergaul dengan orang kebanyakan.

Ayat 31 daripada Surah al-'Araf merupakan perintah Allah SWT yang menyuruh umat Islam supaya tidak melampau dalam bab makan serta minum kerana kedua-duanya akan melemahkan tubuh badan dan kebiasaannya ia akan melalaikan mereka daripada tekun beribadah kepada Tuhan sebagaimana firmanNya yang bermaksud, *'Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang). Makan dan minumlah. Tetapi jangan pula kamu melampau. Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.'*

Hadith yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Hurairah RA pula merupakan perintah Nabi SAW kepada umat Islam supaya menyedikitkan kata-kata supaya dapat mengawal lidah berbicara daripada perkara yang ditegah oleh agama sebagaimana sabdanya yang bermaksud, *'Bukanlah puasa itu hanya menahan diri daripada makan dan minum, tetapi puasa itu juga menahan diri daripada perkataan dan perbuatan yang sia-sia dan keji.'*

Saidina Jabir RA menyebut bahawa apabila kamu berpuasa, maka hendaklah turut berpuasa pendengaranmu, penglihatanmu dan lidahmu daripada bercakap dusta dan haram. Jauhilah diri daripada menyakiti jiran. Hendaklah kamu bersikap tenteram dan tenang pada hari kamu berpuasa. Janganlah jadikan hari kamu berpuasa dan tidak berpuasa adalah sama sahaja. Kemudian sedikit tidur di malam hari seperti perbuatan Nabi Muhammad SAW dan sunnah Nabi Daud AS bertujuan untuk berjaga malam melakukan ibadah kepada Allah SWT sebagaimana firmanNya pada ayat 17 dalam Surah al-Zariyat yang bermaksud, *'Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja masa dari waktu malam untuk mereka tidur.'*

Akhir sekali ialah sedikit bergaul dengan orang-orang kebanyakan seperti perlakuan Saidatina Maryam binti Imran yang disebutkan oleh Allah pada ayat 48 dalam Surah Maryam. Sebaliknya, memperbanyakkan pergaulan dengan orang-orang soleh sebagaimana perintah Allah pada ayat 119 dalam Surah al-Taubah untuk membina budi pekerti yang baik

dengan Tuhan Yang Maha Pencipta. Allah SWT berfirman yang bermaksud, *'Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu berada dan bergaul dengan orang-orang yang benar.'*

Justeru bentuk mujahadah yang dinyatakan sebelum ini dilihat seumpama sebahagian daripada kaedah *'uzlah, khulwah* atau suluk yang dilakukan oleh sesebuah madrasah Tasawuf, namun dengan istilah lain iaitu Ramadan. *Hujjah al-Islam* Imam al-Ghazali dalam kitabnya iaitu *'Ihya' Ulum al-Din'* menyebut bahawa manusia yang menjalani tarbiah Ramadan terdiri daripada tiga golongan iaitu awam, *khawas* iaitu khas dan *khawas al-khawas* yang hanya sekadar menjaga perut dan syahwat mereka ketika berpuasa daripada tuntutan hawa nafsu. Manakala golongan *khawas* iaitu khas ialah mereka seumpama golongan awam, namun lebih hebat kerana kerana sudah mampu mengawal seluruh anggota tubuh yang lain daripada melakukan maksiat kepada Allah SWT. Golongan ketiga ialah *khawas al-khawas* iaitu mereka yang istimewa di sisi Allah SWT kerana mereka bukan sahaja menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa, bahkan mereka berupaya menjaga hati mereka daripada lalai dan melakukan maksiat terhadap Allah SWT. Syeikh Abu Madyan menyebut dengan maksudnya, *'Orang yang berpuasa dalam kalangan ahli khawas (خواص), puasa mereka ialah dengan menjaga lisan daripada berdusta. Manakala para wali, puasa mereka dengan menjaga hati daripada perkara-perkara yang melalaikan, kekotoran dan sebarang hijab (penghalang) daripada Tuhannya.'*

Penutup

Sebagai seorang hamba yang selalu ingin dekat dengan tuhanNya, kita harus mengambil sebanyak-banyak peluang yang ada pada bulan Ramadan ini untuk melakukan ibadah kepada Allah SWT. Lakukan yang terbaik sebagai seorang hamba kerana tiada jaminan bahawa kita akan terus bernafas di Ramadan yang akan datang. Ramadan tidak akan menjadi istimewa jika ia dikhianati oleh umat ini dengan mengabaikan sebulan pendidikan tarbiah ini. Ia dianggap sebagai satu madrasah sufi untuk mempersiapkan sang hamba mempergiat 'bakti' kepada tuhanNya dan tidak hanya sekadar terhenti pada bulan ini. Mudah-mudahan Ramadan kali ini dan akan datang kita tergolong dalam golongan ketiga, *khawas al-khawas* iaitu mereka yang istimewa di sisi Allah SWT.